

**From:** Hal Ehwal Pelajar  
**Sent:** Thursday, 6 July, 2017 10:24 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub  
**Subject:** INASIS SIME DARBY: MAJLIS PERASMIAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S/QE) INASIS SIME DARBY, JABATAN HAL EHWAL PELAJAR UUM.



6 JULAI 2017, KHAMIS | 12 SYAWAL 1438H



Diterbitkan oleh Unit Penerbitan, Media & Penyelidikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Utara Malaysia

**INASIS SIME DARBY ONLINE:** Pihak pentadbiran Inapan Siswa Sime Darby, Universiti Utara Malaysia telah mengadakan Majlis Perasmian Amalan Persekitaran Berkualiti (5S/QE) bertempat di Inasis Sime Darby.

Majlis Perasmian Amalan Persekitaran Berkualiti (5S/QE) ini telah dirasmikan oleh Dr. Che Mohd Aziz Yaacob, Pengetua Inasis Sime Darby. Dalam ucapannya, beliau mengharapkan semua staf sentiasa bekerja dalam satu pasukan '**teamwork**' bagi memastikan amalan persekitaran berkualiti (5S/QE) diamalkan sepanjang masa dalam mencapai misi dan Visi Universiti.

Selain itu beliau juga mengharapkan semua warga Inasis Sime Darby dapat mewujudkan etika kerja positif, semangat kerja berpasukan serta melahirkan idea-idea yang inovatif bagi memastikan pelaksanaan amalan persekitaran berkualiti (5S/QE) berjalan dengan lancar dan tersusun.

Seterusnya ucapan tahniah kepada semua staf di atas kejayaan pengiktirafan sebagai naib johan dalam pertandingan amalan (5S/QE) Peringkat Universiti pada tahun 2016.

Diakhir majlis, Pengetua turut menyampaikan sijil penghargaan kepada pelajar yang banyak membantu dalam menjayakan aktiviti/program yang diatur oleh bahagian pentadbiran Inasis Sime Darby.

Turut hadir dalam majlis perasmian ini ialah barisan Penolong Pengetua, barisan kepimpinan JKPS dan pelajar-pelajar Inasis Sime Darby.

Sekian.

## UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: [www.hep.uum.edu.my](http://www.hep.uum.edu.my) | Emel: [hep@uum.edu.my](mailto:hep@uum.edu.my) | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.